

CMS3262

R ZB 05-08 00126 PC560

(Perhatian Editor Rencana: Ini adalah pertama daripada beberapa rencana khas Hari Kebangsaan yang akan dikeluarkan dalam 2-3 minggu ini).

RENCANA BERNAMA

SIRI KHAS HARI KERANGSAAN

(Embargo: untuk siaran Rabu, 7 Ogos)

FAHAMILAH CJTA-CITA KAMI

Oleh: Tai Sing Onn

(i)

Malaysia akan menyambut ulangtahun ke-34 kemerdekaannya akhir bulan ini.

Sambutan tahun ini adalah sangat istimewa bagi 18.3 juta warga Malaysia.

Justeru itu, wajar sekali kita tujukan surat terbuka daripada rakyat Malaysia ini kepada dunia, mereka yang mengaku dari mereka sahabat Malaysia.

Ulangtahun kemerdekaan ke-34 ini istimewa bagi kami kerana beberapa sebab.

Satu daripadanya, ia menandakan genap satu dekad Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menerajui kerajaan. -- lagi

♥05/08/11-55MST

R ZB 05-08 00099 PC561

Cita-cita 2 Rencana Bernama

Beliau telah selesai melalui tiga kali 1,000 hari sebagai pemimpin kerajaan dan sedang melangkah untuk menyempurnakan 1,000 hari lagi.

Jika beliau memilih untuk tidak berbuat apa-apa pun mulai sekarang, tetapi ini tidak mungkin bagi seorang tokoh yang sering memikirkan pembaharuan, beliau sudahpun pasti mendapat tempat di dalam sejarah negara muda yang sentiasa bergerak maju ini.

Beliau telahpun meletakkan rakyat Malaysia di tempat yang terhormat di arena masyarakat antarabangsa.

Awal tahun ini sebagai pemimpin Kerajaan Barisan Nasional, beliau telah mengutarakan konsep Wawasan 2020. -- lagi

♥05/08/11-55MST

R ZB 05-08 00118 PC562

Cita-cita 3 Rencana Bernama

Jika kita bercakap tentang mata, 20-20 bererti keupayaan melihat yang sempurna.

Wawasan 2020 Malaysia adalah corak masyarakat yang kami inginkan tiga dekad dari sekarang, satu bangsa Malaysia, satu masyarakat yang seberapa mungkin hampir sempurna.

Wawasan ini bukanlah suatu angan-angan atau khayalan tetapi berasaskan perancangan sosio-ekonomi yang kukuh.

Itu adalah satu wawasan yang lahir daripada kejutan peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa hitam dalam sejarah negara ini telah mendorong pembentukan Dasar Ekonomi Baru dan kini Dasar Ekonomi Nasional pula.

Oleh itu Wawasan 2020 adalah matlamat yang jelas tentang perubahan-perubahan yang akan kami usahakan untuk melahirkan masyarakat yang sempurna atau hampir sempurna. -- lagi

♥05/08/11-56MST

Cita-cita 4 Rencana Bernama

Rumusan Datuk Seri Dr. Mahathir dalam Wawasan 2020 ini masih segar dalam kepala kami.

Mengenai matlamat Malaysia: +Malaysia hendaklah bertekad untuk mencapai taraf maju sepenuhnya daripada segi perpaduan negara dan hubungan masyarakat yang intim, daripada segi ekonomi, daripada segi keadilan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, kualiti hidup, nilai-nilai sosial dan rohaniah, kebangsaan dan keyakinan kebangsaan.+

Tentang cabaran-cabaran pula, +... cabaran-cabaran untuk mewujudkan satu bangsa yang bersatu padu dengan kesedaran terhadap untung nasib bersama. Ini sudah tentulah sebuah negara yang aman damai, bersepadu daripada segi wilayah dan keturunan, hidup dalam harmoni dan berkongsi secara penuh dan adil, terdiri daripada satu bangsa Malaysia dengan kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara.+

Bagaimanakah keadaan Malaysia hasil matlamat wawasan ini pada tahun 2020?

Jawabnya: +Kerajaan membayangkan bahawa menjelang tahun 2020, Malaysia akan menjadi sebuah negara bersatu padu dengan masyarakat yang berkayakinan, tersemat dengan nilai-nilai moral dan etika yang kuat, hidup dalam masyarakat yang demokratik, terbuka dan penyabar, penyayang, saksama dan setara daripada segi ekonomi, maju dan makmur, dan menguasai sepenuhnya ekonomi yang penuh persaingan, dinamis, bertenaga, berdaya tahan dan adil daripada segi sosial. -- lagi

♥05/08/11-56MST

CNS3267

R ZB 05-08 00079 PC564

Cita-cita 5 Rencana Bernama

Sudah jelas bukan? Malaysia sedang bergerak maju menuju 2020 dan corak masyarakat yang kami idamkan.

Sedang kami berusaha melaksanakan tugas untuk mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara seperti yang kami idamkan dan bersatu padu, masyarakat penyayang yang ingin kami lahirkan, sudah tentulah tidak keterlaluan bagi kami mengharapkan persefahaman daripada negara-negara maju atau Utara terhadap kami dan negara-negara membangun yang lain atau Selatan. -- lagi

♥05/08/11-56MST

CNS3268

R ZB 05-08 00110 PC565

Cita-cita 6 Rencana Bernama

Negara-negara Utara haruslah bersikap lebih terbuka dalam dasar ekonomi yang luas terhadap negara-negara Selatan.

Malah pada akhir dekad inipun apabila kita mara ke abad ke-21, dunia sudah pasti berlainan sama sekali daripada masa ini, terutamanya dengan kemajuan teknologi yang pesat.

Sekiranya Utara memilih untuk membiarkan saja kemelaratan, kemiskinan dan kesengsaraan Selatan, pada jangka panjangnya Utara akan kerugian kerana peluang-peluang yang terbuang.

Semasa Malaysia dan negara-negara lain di Selatan berusaha meningkatkan kedudukan negara masing-masing ke tahap pembangunan baru pada abad ke-21, negara-negara Utara haruslah bersikap seperti kata penyair +adililah kami dengan lemah lembut+. -- Bernama.

♥05/08/11-56MST